KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	03.03.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	TNB			

'Tiada kakitangan TNB terima sogokan'

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) menafikan ada kakitangan syarikat utiliti itu menerima sogokan daripada sindiket mencuri elektrik untuk melombong bitcoin.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, terdapat kekeliruan berhubung laporan media mengenai operasi bersama TNB dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membanteras aktiviti itu.

"Hakikatnya, kaedah operasi sulit (covert) TNB bersama SPRM ini memerlukan intipan secara penyamaran (*undercover*) dibuat untuk memerangkap dan mendedahkan kegiatan sindiket ini.

"Tiada warga kerja TNB yang ditahan kerana kerana disahkan tiada warga kerja TNB yang menerima habuan dari anggota sindiket," katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.

Baharin berkata, pengurusan TNB amat berterima kasih kepada SPRM dan kakitangan TNB yang terlibat dalam operasi mengambil masa lebih dua tahun sehingga tindakan undang-undang dapat diambil.

Menurutnya, inisiatif itu berjaya menahan 18 individu melibatkan 7,209 kes sejak 2018 dan operasi sulit itu juga telah membolehkan SPRM membekukan 126 akaun bank bernilai RM4.47 juta membabitkan 97 individu serta 29 syarikat.


Tawar rasuah sehingga RM300,000

10 individu diremand kes beri suapan kepada pekerja TNB

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Kata beliau, daripada 18 dalang sindiket yang ditangkap, salah seorang mempunyai 500 unit rumah kedai yang disewa untuk aktiviti perlombongan bitcoin secara haram.

Jelas beliau, pengurusan TNB berbangga dengan integriti tinggi kakitangan yang memaklumkan kepada pengurusan mengenai pelbagai cubaan sindiket untuk menyogok pasukan mencegah kecurian elektrik TNB.

"Perkongsian tersebut membawa kepada operasi bersama SPRM. SPRM memerlukan masa membina kes yang kukuh bagi mengesan dan memerangkap dalang dan ketua sindiket, bukan sekadar operator atau pekerjanya," katanya.

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763 I Web : www.ketsa.gov.my

KeTSAMalaysia KeTSAMalaysia ketsa.malaysia